Kosmo! SUARA KONTEMPORARI




Gambar hiasan

# 40,000 dos vaksin untuk warga emas, OKU

Oleh SUBKHI SUDARJI 17 Mei 2021, 2:28 pm

PUTRAJAYA – Sebanyak 40,000 dos vaksin Covid-19 akan diasingkan bagi tujuan vaksinasi kumpulan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang menjadi kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam Program Imunisasi Covid-19 (PICK) fasa kedua.

KPWKM dalam satu kenyataan berkata, permohonan untuk tujuan itu telah dibuat kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) agar proses vaksinasi kepada kumpulan sasar terbabit dapat dipercepatkan.

Katanya, setakat ini, sebanyak enam institusi penjagaan warga emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diberikan tarikh pemberian vaksin oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM) yang bermula 5 Mei lalu.

Untuk rekod, terdapat 15 institusi warga emas di bawah JKM di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan penghuni sebanyak 2,081 setakat 30 April lalu.

"KPWKM melalui JKM telah mengemukakan senarai nama seramai 68,003 kumpulan sasar terdiri daripada 48,564 warga emas dan 19,439 OKU yang berdaftar untuk diberi suntikan vaksin dalam fasa kedua PICK.

"Daripada jumlah 48,564 warga emas, ia merangkumi ahli Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan penghuni institusi-institusi seliaan KPWKM.

"Bagi jumlah 19,439 OKU pula, ia terdiri daripada pelatih Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)," katanya di sini hari ini.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

Pada masa sama, KPWKM berkata, kementerian melalui JKM juga sentiasa membuat pemantauan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan Covid-19 ke atas 382 buah pusat jagaan warga emas dan 196 buah pusat jagaan OKU yang berdaftar di bawah JKM.

Katanya, sehingga 11 Mei lalu, sebanyak 404 pusat jagaan telah dibuat pemantauan.

"KPWKM juga menyeru kepada seluruh kumpulan sasar agar memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mendapatkan vaksinasi Covid-19 mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"Ini demi memastikan program vaksinasi di negara ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan," katanya.

Untuk keterangan lanjut berkenaan, mereka boleh melayari http://www.VaksinCovid.gov.my dan menghubungi Talian Kasih 15999 atau talian WhatsApp 019 – 2615999 yang beroperasi 24 jam sehari.


**BERITA SELANJUTNYA**

by



**Penerima vaksin Covid-19 warga emas P....**



**Tidak sampai sehari miliki kereta Evo IX**




**Tempahan AstraZeneca 2.0 bermula 23 Mei**

AD



**Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin**




**Seramai 1,210,779 individu telah divaksin**



**YPM buat laporan polis isu buang biskut raya**



**Israel kalah dalam perang di TikTok**



**'Penjara! lagi-lagi muka kau'**




**Bukan kami punca sebar Covid-19 – pelaj…**




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.




## POPULAR



**'Saya tekad mahu keluar dari Spurs'**

19 Mei 2021, 10:20 am



**Kelainan lemang daun lerek**

19 Mei 2021, 10:15 am




**Chiesa idam julang trofi Piala Itali**

19 Mei 2021, 10:15 am




**Dua penganggur meragut diberkas polis**

19 Mei 2021, 10:11 am

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

## BERITA BERKAITAN





**Pertembungan Palestin-Israel berterusan pada ‘Hari Kemarahan’**

19 Mei 2021, 9:27 am



**Sesal seumur hidup bahana mercun**

19 Mei 2021, 9:15 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

**Pencakar langit China bergoyang**

18 Mei 2021, 11:00 pm





Dakwaan ahli politik sukarkan usaha India bendung Covid-19

18 Mei 2021, 10:00 pm

Dapatkan U SKOR A SPM Setiap Selasa di dalam Utusan Malaysia

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.